

Headline **Tuah guru terima MyVi**
Date **12. Jun 2009**
Media Title **Utusan Malaysia (Johor)**
Section **News**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **24**
Article Size **244** cm2
Frequency **Daily**
Color **One Spot Color**
AdValue **1505.28**



Tuah guru terima MyVi

PETALING JAYA 11 Jun – Rezeki. Hanya membeli dua buku koleksi Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) bernilai RM20 serta melengkapkan slogan kreatif, seorang guru, Jamaluddin Aloi, 49, memenangi hadiah utama sebuah Perodua MyVi 1.3L SXi bernilai RM46,700.

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Burung, Tanjung Karang, Selangor itu menyifatkan kemenangan tersebut sesuatu yang di luar jangkaan dan ia hadiah terbesar yang pernah diterimanya seumur hidup.

"Semalam saya bermimpi hujan yang mungkin membawa maksud rahmat pada hari ini. Naluri saya kuat mengatakan saya boleh memenangi peraduan ini.

"Saya berhasrat menghadiahkan kereta tersebut kepada isteri, Norazizah Tarmuji yang kini bekerja sebagai guru tadika di Sekinchan," ujar bapa kepada lima orang anak.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyampaian hadiah Peraduan Beli Buku ITNM dan Menangi Hadiah Bernilai RM100,000 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 yang lalu di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Eksekutif Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua), Zainal Abidin Ahmad; Pengarah Urusan ITNM, Mohd. Khair Ngadiran; Pegawai Eksekutif AmInvestment Management Sdn.Bhd., Datin Maznah Mahbob dan Pengurus Am Kanan, Bahagian Pemasaran, Perodua Sales Sdn. Bhd., Katsumi Yoshida.

Dalam pada itu, Zainal Abidin berkata, penajaan kereta MyVi melalui peraduan tersebut merupakan inisiatif untuk menggalakkan orang ramai mendekati buku dan membudayakan penimbaan ilmu pengetahuan.

"Ini selaras dengan misi Perodua dalam pembangunan modal insan yang berterusan bagi membina masyarakat yang lebih matang dan berdaya saing," katanya.

Tambahnya, model MyVi yang kini sudah memasuki tahun keempat penjualannya merupakan model paling laris dengan mencatatkan jualan lebih 320,000 unit dengan purata 7,000 unit dijual dalam masa sebulan.

"Hadiah Myvi ini bukan saja mendekatkan orang ramai kepada pembacaan bahan ilmiah malah ia satu tanda terima kasih kepada rakyat Malaysia yang sentiasa yakin dan setia



JAMALUDDIN Aloi bersama isteri dan anak-anaknya di sisi kereta Myvi yang dimenangnya dalam peraduan Beli Buku ITNM di Petaling Jaya, kelmarin.

kepada Perodua selama ini," katanya.

Selain hadiah utama, pemenang hadiah pertama membawa pulang wang bernilai RM10,000 sementara dua pemenang kedua menerima wang tunai RM5,000 diikuti 15 pemenang tempat

ketiga yang memperoleh RM1,000 setiap seorang.

Selain itu, pihak penaja menyumbangkan RM500 kepada 15 pemenang hadiah keempat serta 50 hadiah saguhat yang bernilai RM150 setiap satu.